

PBMSK, UMP anjur 'Language Extravaganza'

KUANTAN: Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemahiran (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan 'Language Extravaganza' kepada pelajar institusi pendidikan tinggi awam dan swasta (IPTA/S) di negeri itu bagi memahirkan mereka dengan pelbagai bahasa.

Dengan tema 'Komunikasi Menerusi Kreativiti dan Teknologi', projek berkenaan menjanjikan keseronokan bagi pelajar menggunakan bahasa asing melalui pelbagai aktiviti menarik sepanjang program dari 6 hingga 11 Ogos ini.

Pengarah projek, Zuraina Ali, berkata peserta dapat menimba pengalaman menerusi pelbagai aktiviti membabitkan penggunaan bahasa asing seperti Inggeris, Jepun, Jerman, Arab dan

Mandarin.

"Objektif utama projek untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengaplikasi segala yang dipelajari dalam kelas kepada kaedah yang lebih menarik.

"Selain itu, mereka juga berpeluang menggunakan kemahiran modal insan seperti kepimpinan, bekerjasama dan berkomunikasi," katanya di sini, semalam.

Zuraina berkata, pelbagai acara menarik diadakan sempena program enam hari itu seperti ceramah kerjaya, bengkel korporat, pertandingan drama, bercerita dan Explorace 2007.

Katanya, program itu terbuka kepada semua pelajar di Pahang untuk bersama menimba pengalaman dan memantapkan penggunaan bahasa asing.

H/metro (setempat)
Sum 3/8/07
pg: 25